

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 6 DISEMBER 2019

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

1. Seorang pegawai yang masih di dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan lantikannya jika tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Salah satunya adalah pegawai itu tidak disokong untuk ditetapkan dalam Jawatan oleh Ketua Jabatannya. Apakah syarat lain yang membolehkan pegawai ini ditamatkan lantikannya?
 - a. Kedatangan dan kehadiran bekerja tidak memuaskan
 - b. Tidak memenuhi syarat Ketua Jabatannya
 - c. Tidak lulus peperiksaan-peperiksaan yang ditentukan dalam Skim Perkhidmatannya
 - d. Tidak lulus temuduga bagi penetapan Jawatan

2. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi kakitangan dalam Bahagian V Bergaji Hari?
 - a. Setiausaha Tetap
 - b. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - d. Ketua Jabatan

3. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada pegawai bergaji hari bagi yang berkelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan?
 - a. \$ 90.45
 - b. \$ 111.30
 - c. \$ 127.70
 - d. \$ 140.00

4. Hjh Aminah binti Hj Bongsu, Pembantu Kerani di Jabatan Perkhidmatan Awam dibenarkan memohon Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) sehari pada hari Selasa, 3hb Disember 2019. Pada hari Rabu, 4hb Disember 2019 dia sekali lagi memohon CSDS sehari dan dibenarkan. Pada hari Khamis, 5hb Disember 2019 dia masih belum sihat dan sekali lagi memohon CSDS sehari kerana dia masih ada baki 4 hari CSDS yang masih belum digunakan dalam setahun perkhidmatan. Walau bagaimanapun Penolong Pentadbir memaklumkan cuti tahunan Hjh Aminah telah habis digunakan sehingga tarikh tersebut. Sila nyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pengarah Pembangunan dan Pengurusan keatas permohonan ini.
 - a. Membenarkan CSDS kerana masih ada baki 4 hari CSDS yang belum digunakan.
 - b. Tidak membenarkan CSDS dan menyarankan supaya memohon Cuti Pendahuluan melalui GEMS Mobile App
 - c. Tidak membenarkan CSDS dan mengarahkan supaya mendapatkan Sijil Cuti Sakit daripada klinik kerajaan atau swasta
 - d. Menggunakan budi bicara dan membenarkan CSDS dengan syarat dia kembali bekerja pada keesokan hari

5. Seorang Pegawai Pendidikan dalam Bahagian II yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 3 Mei 2019 di Sekolah Menengah Sayidina Abu Bakar selaku tenaga pengajar. Pada 1 hingga 14 Oktober 2019 iaitu sewaktu musim persekolahan, dia telah mengambil Cuti Tidak Bergaji. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunan bagi tahun 2020?
 - a. 3 Mei 2020
 - b. 18 Mei 2020
 - c. 1 Jun 2020
 - d. 3 Jun 2020

6. Dayang Saudah binti Hj Metussin adalah seorang pegawai dalam perjawatan tetap dengan sukatan gaji B.3 dan berkhidmat selama 15 tahun. Dia memohon elaun cuti bagi dirinya, suaminya yang bekerja dengan *Government Link Company* (GLC) dan 5 orang anak yang berumur 18 tahun sedang menuntut di UK atas biasiswa kerajaan, 15 tahun, 12 tahun, 5 tahun bersekolah di sekolah swasta dan seorang bayi berumur 18 bulan. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
 - a. \$ 8,025
 - b. \$ 10,250
 - c. \$ 11,200
 - d. \$ 11,500

7. Siapakah yang layak diberikan Off in Lieu ?
 - a. Bahagian I, II dan III
 - b. Bahagian II sehingga V
 - c. Bahagian III, IV dan V
 - d. Bahagian IV dan V

8. Seorang Pembantu Kerani telah berkhidmat selama 5 tahun dalam lantikan perkhidmatan bergaji hari dan beliau telah dilantik kepada lantikan *open-vote* bergaji bulan semasa kandungannya berusia 28 minggu. Dia selamat melahirkan bayi yang dikandungnya apabila kandungannya berusia 38 minggu. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi kakitangan tersebut?
 - a. 108 hari
 - b. 105 hari
 - c. 56 hari
 - d. Hanya diberikan Cuti Sakit

9. Pusingan atau Proses Pelaksanaan TPOR yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat adalah pembentukan Jawatankuasa, Penggubalan, Promosi dan Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan. Pusingan yang seterusnya adalah :
- Penilaian dan Penambahbaikan; Pemantauan
 - Pemantauan; Penilaian dan Penambahbaikan
 - Pemantauan; Penambahbaikan dan Penilaian
 - Pemantauan: Penilaian
10. Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan dibawah Bab 38 (b)?
- Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan kerajaan
 - Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
 - Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di dalam kementerian dan Jabatan Kerajaan itu sahaja
 - Pengiklanan dibukakan kepada graduan daripada universiti-universiti sahaja
11. Pegawai yang dikurniakan tambang menunaikan Fardhu Haji boleh memulakan cuti seperti berikut:
- Hari penerbangan bertolak ke Arab Saudi dan sehari selepas sampai ke negara ini
 - Sehari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan sehari sesudah sampai ke negara ini
 - Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan dua hari sesudah sampai ke negara ini
 - Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan tiga hari sesudah sampai ke negara ini
12. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut di dalam negeri yang berumur seperti berikut :
- 3 tahun sehingga 28 tahun
 - 5 tahun sehingga 25 tahun
 - 10 tahun sehingga 25 tahun
 - 5 tahun sehingga 28 tahun
13. Cuti Khas menemani suami/isteri yang bertugas di luar negeri diberikan dibawah kementerian atau agensi tertentu kecuali
- Kementerian Kewangan dan Ekonomi
 - Kementerian Pertahanan
 - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
 - Agensi Pelaburan Brunei

14. Seorang pegawai yang menghadiri persidangan boleh dipertimbangkan menerima elaun pakaian untuk negeri bercuaca sejuk dibayar seperti berikut:
- Tiap 5 tahun sekali dengan kadar \$ 1500
 - Tiap 3 tahun sekali dengan kadar \$ 1500
 - Tiap 3 tahun sekali dengan kadar \$ 500
 - Tiap 4 tahun sekali dengan kadar \$ 500
15. Awang Rabaie bin Hj Suhaili, Guru Ugama Terlatih telah didapati sabit kesalahan atas tuduhan jenayah yang dilakukannya. Tindakan awal yang dikehendaki dilaksanakan oleh Ketua Jabatannya ialah :
- Menahan kenaikan gaji
 - Membuang kerja serta-merta
 - Menahan separuh gaji dan elaun dan menggantung daripada menjalankan tugas
 - Menahan keseluruhan gaji dan elaun dan menggantung daripada menjalankan tugas
16. Siapakah yang boleh memberikan kebenaran Cuti Tanpa Catat?
- Ketua Jabatan
 - Jurukira Agung
 - Juruaudit Agung
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
17. Pegawai/Kakitangan yang dikecualikan daripada dikenakan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) adalah seperti berikut :
- Pegawai Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - Pegawai Warder Jabatan Penjara
 - Pegawai/Kakitangan yang diambil berkhidmat semula pada 1 Januari 1993
 - Pegawai/Kakitangan yang berkhidmat mulai 1 Januari 1993
18. Syarat Kelayakan bagi mendapatkan kemudahan perumahan bagi warga perkhidmatan awam yang dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut kecuali :
- Pegawai lelaki dalam Bahagian I,II,III dan IV dalam perkhidmatan Tetap atau Kontrak Luar Negeri
 - Pegawai lelaki dalam Bahagian I,II,III dan IV dalam perkhidmatan Tetap atau Kontrak
 - Pegawai wanita dalam Bahagian I dan II dalam perkhidmatan Tetap
 - Pegawai wanita dalam Bahagian III dan IV yang berstatus janda atau balu dan mempunyai tanggungan anak

19. Salah satu terma Program Peminjaman pegawai dari Sektor Kerajaan ke Sektor Swasta ialah bayaran surcaj akan dikenakan kepada organisasi peminjam tersebut dan dibayarkan kepada Perbendaharaan Kerajaan. Berapakah kadar surcaj sebulan yang dimaksudkan ?
- 30% gaji pokok pegawai
 - 25% gaji pokok pegawai
 - 15% gaji pokok pegawai
 - 10% gaji pokok pegawai
20. Elaun Sara Hidup bagi kakitangan Bahagian IV adalah :
- \$ 200
 - \$ 180
 - \$ 170
 - \$ 150
21. Skim Perkhidmatan memuatkan maklumat terperinci mengenai
- Struktur organisasi (Organisation Structure)
 - Perkembangan Latihan jawatan tersebut (Training Development)
 - Rancangan Pengantian jawatan tersebut (Succession Planning)
 - Perkembangan jawatan tersebut (Career Development)
22. "Pekerja didalam Perkhidmatan Awam harus mempunyai sifat-sifat ini, iaitu didalam erti kata lain mempunyai daya ketahanan hati yang kuat dalam menghadapi sebarang tekanan, cekal dan berhemah tinggi dalam memberikan perkhidmatan." Ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang dimaksudkan ialah :
- Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuh keberkesanan
 - Titih , lutan dan menghargai masa asas kejayaan
 - Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian
 - Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji
23. Berapakah tempoh ikat janji (bond) dengan Kerajaan bagi pegawai/kakitangan yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) selama enam (6) tahun sehingga kurang daripada tujuh (7) tahun ?
- 9 tahun
 - 11 tahun
 - 15 tahun
 - 17 tahun

24. Berapakah usia persaraan bagi pegawai lelaki dan perempuan yang dalam Perkhidmatan TAP?
- 60 tahun
 - 60 tahun (Lelaki) dan 55 tahun (perempuan)
 - 55 tahun
 - 55 tahun (Lelaki) dan 50 tahun (perempuan)
25. Berapa tempoh notis yang perlu diberikan oleh pegawai/kakitangan yang berhasrat menamatkan perkhidmatannya ?
- Sebulan
 - 2 bulan
 - 3 bulan
 - 6 bulan
26. Tiga fokus Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) adalah seperti berikut :
- Orang ramai, proses dan prestasi organisasi
 - Orang ramai, piawai dan sikap/etika
 - Orang ramai, prosedur dan sikap/etika
 - Orang ramai, tempoh masa dan etika kerja
27. Apakah definisi Pegawai Penilaian semula dalam Sistem Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam?
- Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesejahteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang didalam bidanguasa arahnya secara langsung
 - Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian/Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai dan kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
 - Pegawai atau kakitangan yang terkandung dibawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
 - Ketua Jabatan

28. Berapakah Kadar Baksis yang diberikan kepada para pegawai kontrak asing dalam Bahagian I, II dan III ?
- 25% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
 - 20% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
 - 15% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk Kontrak Pertama dan Kedua
 - 20% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk Kontrak Ketiga dan seterusnya
29. Adalah menjadi kesalahan bagi pegawai Kerajaan untuk menerima atau memperolehi barang-barang berharga, tanpa bayaran atau tanpa bayaran nilai sebenarnya, daripada sesiapa sahaja yang pegawai itu ketahui telah dijalankan atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu. (Bab 165) Hukuman bagi kesalahan ini ialah :
- Penjara seumur hidup dan denda
 - Penjara 7 tahun dan denda
 - Penjara kurang daripada 7 tahun dan denda
 - Penjara tidak lebih 7 tahun dan denda
30. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian/Jabatan secara bergaji hari bagi lepasan ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND). Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Diantara tugas jawatankuasa ini adalah memastikan calon-calon diperakukan dari segi kelulusan yang diiktiraf secara ujian bertulis dan/atau kaedah lain (jika perlu); Menemuduga calon-calon; dan Membuat rumusan/laporan lengkap hasil dan temuduga. Sila nyatakan satu (1) lagi tugas jawatankuasa ini.
- Memastikan pemohon-pemohon menghadiri temuduga
 - Memastikan pemohon-pemohon mengisi borang SPA/02
 - Memastikan ahli jawatankuasa menghadiri temuduga
 - Memastikan pemohon-pemohon memenuhi Skim Perkhidmatan

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk **menjawab tujuh (7) soalan sahaja** daripada sepuluh (10) soalan. Setiap soalan mempunyai **5 markah**.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Penetapan Tarikh Lahir.
2. Bidang Tugas Audit Dalaman.
3. Peraturan dan Syarat EB Khas.
4. Sebutkan 5 keadaan dimana pegawai dan kakitangan tidak akan mendapat kelayakan cuti tahunan selain daripada cuti tidak bergaji.
5. Peraturan-peraturan yang dikenakan sebelum seorang pegawai diberikan Cuti Beranak? Bilakah ianya sepatutnya bermula ?
6. Keadaan yang membolehkan Wang Simpanan TAP dikeluarkan serta peratus dapat dikeluarkan.
7. Sebab-sebab Penamatan Skim LDP.
8. Dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib ?
9. Cuti Kahwin Bagi Guru dan Tenaga Pengajar.
10. Elaun-Elaun Yang Tidak Patut Diterima apabila Cuti Tahunan melebihi 30 hari.

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki **menjawab dua (2) soalan sahaja** daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

SOALAN 1 – MEMANGKU JAWATAN

1. Terangkan dalam keadaan mana sesuatu jawatan itu hanya boleh dibenarkan memangku menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008.
(2 Markah)

2. Terangkan tempoh lantikan memangku yang boleh dibayar menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008.
(2 Markah)

3. Terangkan dengan memberikan contoh apa yang dimaksudkan lantikan memangku hanya dibenarkan pada peringkat 2 talian sahaja.
(2 ½ markah)

4. Terangkan kadar elaun memangku perenggan 4.1 dan 4.2 menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 4/2008.
(4 markah)

5. Nyatakan kuasa membenarkan memangku jawatan .
(5 markah)
 - i. Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap
 - ii. Ketua Jabatan
 - iii. Pegawai yang paling kanan selepas Ketua Jabatan atau Pengarah dan Jawatan lain di Pejabat Setiausaha Tetap
 - iv. Timbalan/Penolong Ketua Jabatan atau Pengarah bagi Jabatan yang mempunyai Jawatan Pengarah dan Jawatan-jawatan lain
 - v. Semua Jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) bagi tempoh 180 hari atau lebih

6. Sebutkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang tidak boleh dilantik memangku.
(2 markah)

SOALAN 2 – Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)

1. Nyatakan tarikh SCP dikuatkuasakan, diwajibkan kepada sektor mana dan siapakah yang layak ?
(3 markah)

2. Nyatakan Kadar Caruman dan berapakah pecahan yang dimasukkan ke akaun ahli serta *Survivorship Benefit*.
(2 Markah)

3. Sila huraikan Jumlah Caruman Minimum dan bagaimana tatacara menangani jika 3.5% daripada gaji bulanan ahli adalah kurang daripada B\$ 17.50.
(3 ½ Markah)

4. Bagaimana pula SCP bagi yang bekerja sendiri ?
(1 markah)

5. Nyatakan Jumlah Maksima Caruman.
(2 Markah)

6. Huraikan Manfaat Skim SCP bagi ahli dan Manfaat Keberterusan bagi tanggungan ahli (*Survivorship Benefit*) ?
(6 markah)

SOALAN 3 – TATATERTIB

1. Nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan apabila menerima laporan dari agensi kerajaan tentang penglibatan pegawai/kakitangan dalam kes jenayah.
(8 markah)
2. Apakah perkara-perkara yang Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan perlu berikan perhatian kepada pegawai/kakitangan berkenaan ketika digantung kerja?
(4 markah)
3. Nyatakan tindakan tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam tertakluk kesalahan yang dilakukan.
(4 markah)
4. Nyatakan apa yang akan terjadi kepada mereka yang berkenaan yang gagal untuk bertindak menurut tatacara surat keliling JPM bil 19/1998?
(1 markah)
5. Tindakan keatas Warga Perkhidmatan Awam yang keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.
(½ markah)